



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN

28



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 0887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: pligr@terengganu.gov.my

PTG.TR. G/05/1998/06/06 - (4)
Bertarikh : 02 Mac 2022
Bersamaan: 28 Rejab 1443

- SEBAGAIMANA SENARAI EDARAN -

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1 / 2022

**MEKANISME PELAKSANAAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH MENURUT
SEKSYEN 64 KANUN TANAH NEGARA**

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung pengubahsuaihan mekanisme pelaksanaan Pembatalan Perizaban Tanah menurut Seksyen 64 Kanun Tanah Negara (KTN).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Bagi tanah-tanah yang telah diwartakan menurut Seksyen 62 KTN, terdapat dua (2) proses perlu dilaksanakan bagi tujuan pembatalan perizabannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 64 KTN** iaitu :-

i. **Cadangan Pembatalan Perizaban [Sek. 64(2) KTN]**

Pentadbir Tanah melalui Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu (PTG) hendaklah mengemukakan **cadangan pembatalan** kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Jika PBN bersetuju dengan cadangan ini maka Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan draf notis untuk disiarkan dalam warta - **Pewartaan Kali Pertama**.

...2/

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN | hantar puu

2. 3. 2022



Beautiful Terengganu Malaysia

Tandatangan.....
Koreni Despatch
Pejabat Pengarah Tanah & Galian
Terengganu

ii. **Pembatalan Perizaban – [Sek. 64(2)(b) KTN]**

Sekiranya tiada bantahan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh notis cadangan pembatalan dikeluarkan maka Pentadbir Tanah melalui PTG hendaklah mengemukakan laporan (Rang Kertas) kepada PBN untuk diputuskan kelulusan pembatalan sebagaimana cadangan asal. Seterusnya Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan draf notis sekali lagi untuk disiarkan dalam warta - **Pewartaan Kali Kedua.**

Setelah proses (i) dan (ii) disempurnakan, barulah ianya kembali berstatus sebagai tanah kerajaan dan seterusnya bolehlah dirizabkan semula bagi tujuan lain menurut Seksyen 62 KTN ataupun dilupuskan kepada mana-mana pihak menurut Seksyen 76 KTN.

- 2.2. Proses di Para 2.1 merupakan **urusan kerja yang berulang** sedangkan PBN telahpun memberi persetujuan terhadap sesuatu pembatalan perizaban. Dalam hal ini, bagi **mempercepat dan memudahkan urusan** mengenainya maka PTG mencadangkan supaya dapat dipraktikkan mekanisme yang lebih efisien namun pengubahsuaian ini masih mematuhi **prosedur berkenaan pembatalan perizaban** menurut Seksyen 64 KTN yakni mirip kepada kaedah pelaksanaan permohonan pemberimilikan tanah-tanah tapak Masjid, Surau dan Perkuburan Islam kepada MAIDAM (Keputusan MMKN Kertas Bil.437/2020 bertarikh 20 Mei 2020).
- 2.3. Justeru itu, mekanisme yang disyorkan iaitu **Cadangan Pembatalan Perizaban dan Pembatalan Perizaban diluluskan secara serentak** oleh PBN dengan perincian seperti berikut ;-
- i- PBN disyorkan supaya meluluskan **cadangan pembatalan perizaban** dan ianya hendaklah terlebih dahulu disiarkan dalam warta.

- ii- Setelah Para (i) disempurnakan, dan jika sekiranya **tiada apa-apa bantahan** yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan maka PBN disyorkan terus bersetuju **meluluskan pembatalan perizaban tanpa perlu** lagi mengemukakan Rang Kertas mengenainya dan selanjutnya terus diambil tindakan untuk disiarkan dalam warta.
- iii- Namun begitu jika sekiranya **terdapat apa-apa bantahan**, maka Pentadbir Tanah hendaklah mengangkat kembali permohonan ini untuk mendapatkan keputusan muktamad daripada PBN menurut Seksyen 64(2)(a) dan (b) Kanun Tanah Negara.
- iv- Setelah proses (ii) disempurnakan, yakni tanah tersebut telah kembali statusnya sebagai tanah kerajaan maka seterusnya bolehlah dirizabkan semula bagi tujuan lain menurut Seksyen 62 KTN ataupun dilupuskan kepada mana-mana pihak menurut Seksyen 76 KTN.

2.4. MMKN melalui Keputusan Mesyuarat Kertas Bil.264/2022 (Agenda 35) bertarikh 16 Februari 2022 telah **bersetuju meluluskan** cadangan di Para 2.3 dan hendaklah digunakan bagi permohonan yang melibatkan kes-kes yang seumpamanya pada masa akan datang.

3. **PEMAKAIAN DAN TARikh KUATKUASA**

Arahan ini hendaklah digunakan di seluruh Pejabat-Pejabat Tanah dalam Negeri Terengganu **berkuatkuasa** daripada tarikh ianya dikeluarkan.


Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang memalankan amanah,


(DATO' ZULKIFLI BIN ALI)

Pengarah Tanah dan Galian,

Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat

Setiausaha Kerajaan Negeri

TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,

(Pembangunan)

TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,

(Pendaftaran)

TERENGGANU

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,

(Pendaftaran dan Hakmilik)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pelupusan Tanah / Galian)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hasil)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Penguatkuasaan dan Teknikal)

TERENGGANU

Pegawai Undang-Undang

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

TERENGGANU



09-6276334



azlan_mohamad@terengganu.gov.my

ARAHAN PTG BIL.1 TAHUN 2022 (pendrive) - 22/02/2022

SENARAI EDARAN

**Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu**

**Pentadbir Tanah
Kemaman**

**Pentadbir Tanah
Dungun**

**Pentadbir Tanah
Besut**

**Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu**

**Pentadbir Tanah
Marang**

**Pentadbir Tanah
Setiu**

**Pentadbir Tanah
Kuala Nerus**

***Nota : Bersama –sama ini disertakan 2 Contoh Rang MMKN yang berkaitan
mengenainya sebagai rujukan dan panduan.***